

BAB III

1824-1858, PERSAINGAN KUASA BRITISH-BELANDA DAN IMPLIKASI POLITIKNYA KE ATAS ACEH DAN SUMATERA TIMUR

(i) Perjanjian British-Belanda 1824 Dan Polisi Tidak
Campurtangan Pihak British di Pulau Pinang

Perselisihan antara kuasa British dan Belanda di Timur mendapat perhatian yang berat dari kerajaan kedua-dua buah kuasa ini di Eropah. Kedua-dua kerajaan ini ingin menyelamatkan hubungan keduanya agar tidak mendatangkan masalah. Lagipun kedua-dua negara ini saling memerlukan di Eropah bagi menghadapi kuasa Perancis yang masih mengancam Eropah. Britain mengharapkan negara Belanda sebagai negara penampan (buffer-state) untuk Britain dari serangan Perancis.

Aktiviti-aktiviti Raffles dalam usahanya untuk menjamin perdagangan British di Selat Melaka telah banyak menimbulkan bantahan dari pegawai-pegawai Belanda. Pendudukan beliau di Singapura menambah burukkan hubungan antara kedua-dua kuasa ini di Timur. Akhirnya pemerintah Belanda di Betawi telah mencadangkan agar dilakukan pertukaran petempatan-petempatan antara kedua-dua kuasa tersebut. Beberapa cadangan telah dikemukakan mengenai bagaimana pertukaran itu patut dilakukan. Pemerintah Belanda di Betawi

mencadangkan agar Belanda menukarkan petempatan-petempatan Belanda di India dengan petempatan-petempatan British di Benkulen dan Sumatera. Sementara Raffles pula mencadangkan agar Pulau Jawa dan Kepulauan Rempah diserahkan kepada Belanda tetapi Sumatera, Banka, Melaka dan Borneo diletakkan di bawah lingkungan pengaruh British.¹

Perbincangan yang dimulakan pada tahun 1818 di antara kedua-dua kerajaan di Eropah, akhirnya membawa kepada tertandatangannya Perjanjian British-Belanda pada 17 Mac 1824.² Perjanjian ini telah mendapat berbagai reaksi daripada pegawai-pegawai dan pedagang-pedagang British. Keinginan pihak British di London dan India untuk meneruskan dasar tidak *campur tangan* politik di Negeri-negeri Melayu menyebabkan pedagang-pedagang British di Kepulauan Melayu tidak puashati. Lebih-lebih lagi setelah pembahagian kawasan lingkungan pengaruh direalisasikan pada tahun 1825 menyebabkan Sumatera yang selama ini amat penting bagi perdagangan Pulau Pinang diletakkan di bawah pengaruh Belanda. Berdasarkan Artikel IX, Perjanjian British-Belanda perjanjian-perjanjian antara pihak British dengan

1. C.L.M. Penders, "The Expansion of Dutch Control on the Central West and East Coasts of Sumatra, 1816-1873", Tesis M.A., Australian National University, Canberra, Mei 1962, hlm. 106.

2. Lihat Lampiran G.

pemerintah-pemerintah tempatan Sumatera menjadi tidak sah. Artikel tersebut menyatakan bahawa:¹

Article IX

The Factory of Fort Marlborough and all the English Possessions on the Island of Sumatra, are hereby ceded to His Nederland Majesty and His Britanick Majesty further engaged that no British Settlement shall be formed on that Island, nor any Treaty concluded by British Authority, with any Native Prince, or State therein.

Tambahan pula, Robert Fullerton (1826-1827),² iaitu Gabenor baru Negeri-**Negeri** Selat tidak merasakan bahawa perjanjian-perjanjian tersebut, termasuk Perjanjian Raffles-Aceh 1819, patut dipertahankan kerana beliau tidak mahu perjanjian tersebut memberi peluang kepada Sultan Aceh memonopoli perdagangan Aceh.³ Bagi Fullerton, tiadanya monopoli perdagangan oleh Aceh ke atas daerah-daerah naungannya, akan memberi peluang kebebasan perdagangan yang lebih kepada pedagang-pedagang British. Beliau berpendapat -----

1. W.G Maxwell & W.S. Gibson, Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, hlm. 8-12.
2. David P. Henige, Colonial Governors from the Fifteenth Century to the Present. A Comparative List, Madison: University of Wisconsin Press, 1970, hlm. 176.
3. SSFR, Vol. 100 (IOL), Fort Cornwallis Proceedings, 17 Mac 1825, Instructions from Blundell to Mr. Cracroft, hlm. 684-691, Commission for Mr. Cracroft, hlm. 692-696; Anthony Reid, The Contest for North Sumatra, Atjeh, the Netherlands and Britain 1858-1898, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 13.

perjanjian Raffles-Aceh 1819 bahawa:¹

[H]ad been a dead letter from the day it was signed, and [Fullerton] rejected any attempt to revive it on the ground that Penang's Atjeh [sic] trade appeared to flourish in a situation where the controlling power of the Sultanate was very weak.

Pendapat Fullerton ini amat berbeza dari notanya sendiri di dalam tulisan John Anderson, yang mana beliau pernah menempelak tindakan British terhadap Sultan Aceh semasa kes rampasan kapal Annapoorney.²

Walaupun pihak British mengambil pendirian demikian terhadap Perjanjian Raffles-Aceh 1819, tetapi Sultan Aceh tidak diberitahu mengenai hal tersebut. Hal yang sama berlaku kepada Perjanjian Anderson dengan raja-raja tempatan Sumatera Timur pada tahun 1823. Secara teorinya, perjanjian tersebut tidak sah selepas Perjanjian British-Belanda 1824, malah ianya tidak diiktiraf oleh pihak British sejak tahun 1823 lagi. Tetapi pihak British di Pulau Pinang masih merujuk kepada perjanjian tersebut pada masa-masa tertentu.

1. Cowan, "Early Penang", hlm. 158-159 dan; Nicholas Tarling, British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago, 1824-1871, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 130-131.

2. Anderson, Acheen and the Ports on the North and East Coast Sumatra, hlm. 47

Contohnya pada tahun 1829, apabila firma Balhetchet di Melaka melaporkan bahawa Sultan Deli belum membayar hutang firma tersebut, Robert Ibbetson, Residen Kaunselor Pulau Pinang (1827-1833)¹, telah mengingatkan Sultan Deli tentang perjanjian Anderson 1823.² Dalam satu kejadian rampasan kargo di Sumatera Timur, pihak British menegaskan bahawa ia tidak mempunyai apa-apa perjanjian dengan kerajaan-kerajaan kecil di Sumatera tetapi berjanji akan menghapuskan aktiviti yang sedemikian di Selat Melaka.

Pendirian pihak British yang tidak tetap mengenai sikapnya terhadap perjanjian-perjanjian dengan raja-raja tempatan di Sumatera terutamanya di Aceh dan Sumatera Timur menyebabkan berlakunya dasar-dasar yang berbeza diambil oleh pegawai-pegawai British. Mereka mendakwa bahawa perjanjian Raffles-Aceh bertentangan dengan Artikel III dan bukannya Artikel IX dalam Perjanjian London seperti yang didakwa oleh pihak Belanda.³

-
1. Henige, Colonial Governors, hlm. 176.
 2. SSFR, (IOL) Vol. 130, Fort Cornwallis Proceedings 27 Oktober 1829, Balhetchet to Ibbetson bertarikh 14 Oktober 1829, Jawapannya bertarikh 27 Oktober 1829, t.h.
 3. Maxwell & Gibson, Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, hlm. 8-12.

Article III

The High contracting parties engage, that no Treaty hereafter made by Either; with any Native Power in the Eastern Seas, shall contain any Article tending, either expressly, or by the imposition of unequal duties to exclude the trade of the other party from the ports of such Native Power; and that if in any Treaty now existing either Part any Article to that effect has been admitted, such Article shall be abrogated upon the conclusion of the present Treaty.

Oleh itu bekas pegawai-pegawai British ini merasakan bahawa tiada salah sekiranya perjanjian-perjanjian dengan Aceh dan negeri-negeri kecil di Sumatera Timur diterima sebagai sah kecuali artikel yang tidak membenarkan orang-orang berkuasa lain berdagang dengan kawasan-kawasan tersebut. Bila Falck, pegawai Belanda, menyatakan bahawa pihak Belanda juga berhak mempertahankan perjanjiannya dengan Aceh mengorbankan kecuali Artikel X perjanjian tersebut, maka bekas pegawai-pegawai British ini menghentikan desakan mereka.¹ Namun demikian, pihak British masih merujuk kepada perjanjian-perjanjian tersebut di dalam beberapa kes mengaitkannya dengan Aceh dan Sumatera Timur.

Tarling, British Policy in the Malay Peninsula, hlm. 130.

(ii) Perkembangan Perdagangan di Aceh Dan Reaksi Tempatan

Sementara itu di Aceh, Sultan Jauhar al-Alam mangkat pada 1 Disember 1823. Baginda telah digantikan oleh puteranya Tuanku Darid.¹ Baginda menggunakan gelaran Sultan Alauddin Muhammad Syah (1823-1838) atau juga dikenali sebagai Sultan Buyung.² Baginda telah melantik saudaranya Raja Muda menjadi wakil raja di Samalangga, Tungku Abbas di Batu berdekatan dengan Pedir. Seorang lagi saudaranya iaitu Tungku Ibrahim bersama-sama dengan putera gahara, Tungku Raja tinggal di Banda Aceh bersama-sama dengan Sultan.³

Pada tahun 1827, pihak British telah menerima laporan bahawa sebuah kapal kepunyaan seorang pedagang Cina dari Pulau Pinang telah diserang dan kargo kapalnya dirampas oleh Raja Muda di Samalangga. Dua tahun berikutnya Brig Glory kepunyaan Bappo Doray telah ditahan dan kargonya dirampas

-
1. Baginda adalah salah seorang dari putera 'luar nikah' Sultan Jauhar. Lihat Tarling, British Policy in the Malay Peninsula, hlm. 132.
 2. Mohammad Said, Atjeh Sepanjang Abad, hlm. 469.
 3. SSFR, (IOL) Vol. 145 Elwon, Komander kapal Antelope kepada John Anderson, 9 Jun 1827, f. 141 dan; Nicholas Tarling, Piracy and Politics in the Malay World, Singapore: Donald Moore Gallery, 1963, hlm. 187.

oleh Tungku Ibrahim di pantai barat Sumatera.¹ Bappo Doray melaporkan bahawa beliau telah ditahan beberapa hari oleh seorang 'Tengku' yang didakwa menaiki sebuah kapal kepunyaan Sultan Aceh. 'Tengku' tersebut tidak mahu membebaskan Bappo Doray sehingga beliau (Bappo Doray) membayar sejumlah wang. Walau bagaimanapun, Bappo Doray telah berjaya melepaskan diri ke Pulau Pinang dengan menaiki kapal dari India, Hippomenes, yang menuju ke Pulau Pinang.²

'Tengku' yang dimaksudkan oleh Bappo Doray itu kemungkinan sekali Tengku Muhammad Yahya iaitu salah seorang pedagang Aceh yang menghantar surat kepada pihak British di Pulau Pinang, memberitahu keengganan Bappoo Doray membayar harga-harga pinang pedagang-pedagang Aceh termasuk dirinya. Tengku Muhammad Yahya memberi amaran dalam suratnya yang berbunyi:³

I Tunko Mohamed Yahya of Sumatra, my
compliment to Governor of Pulo Penang and I
with great respect beg to acquaint the
Company who [sic] distribute to the ryots
[rakyat] of Pulo Penang and other countries -
viz., Acheen and to traders of every descrip-
tion, that five prows sailed from Qualla
Kertie to Pulo Penang a long time ago, and

1. SSFR, (IOL) Vol. 132, Petisyen Bappoo Doray kepada Fullerton, bertarikh 30 Januari 1830, f. 61.
2. Ibid.
3. SSR, F 5: Penang Consultation, Surat Tengku Mohamed Yahya kepada Gabenor Pulau Pinang, hlm. 198.

sold Betelnut to Nakhoda Bappo [Doray] and two or three months have now elapsed without nakhoda Bappo [Doray] paying. So that prow has expected [sic] fifty (I supposed he means Sp. Dollars) now let the Company pity and protect Nakhoda Yahya and the Nakhoda of the Prows i.e. the Junks of Campung Beladih and the rest of Nakhodahs; and let the Company order payment of the Betelnut immediately. I moreover asked the Company if payment for the betelnut is not made that he will ask all nakhodahs [sic] to return with their prows. Even if they return[ed], I Tunku Mohamed Yahya also beg to acquaint the Company that if the betelnut is not paid for I will seize goods from the ships which sail to the Achinese country; and moreover the countries of Pulo Penang and Acheen - go and come [trade with each other] but if he [Bappoo Doray] does not pay for the betelnut, the children of Acheen will not again sail to Pulo Penang

Apabila perkara tersebut dirujuk kepada Sultan Aceh dalam surat dari Gabenor British di Pulau Pinang dalam bulan Jun 1829,¹ baginda melahirkan lagi hasrat agar pedagang-pedagang British mematuhi peraturan-peraturan perdagangan di Aceh. Baginda tidak mahu disalahkan apabila berlaku serangan ke atas kapal-kapal dagang British yang tidak mempunyai surat izin dari baginda.

Dalam surat balasannya, Fullerton mengakui hak Sultan Aceh melaksanakan peraturan-peraturan pelabuhan sebagai

1. SSFR, (IOL) Vol. 145, Surat Sultan Alaudin Mohamed Shah kepada Gabenor Fullerton, 8 Jun 1829, t.h.

sebuah kerajaan yang merdeka.¹ Namun begitu, Fullerton mempersoalkan tindakan Sultan Aceh yang tidak menghantar salinan peraturan-peraturan perdagangan di Aceh kepada pihak British di Pulau Pinang, Sultan Aceh menjelaskan bahawa segala peraturan-peraturan pelabuhan di zaman baginda adalah sama dengan segala peraturan perdagangan di zaman ayahanda baginda iaitu Sultan Jauhar Al-Alam.

Fullerton menggunakan alasan ini untuk menyalahkan tindakan yang telah diambil oleh Sultan Aceh itu. Sebenarnya Sultan Aceh telah memberitahu peraturan perdagangan Aceh kepada pihak British di Pulau Pinang beberapa kali. Lazimnya setiap perubahan yang berlaku di Aceh, akan dilaporkan kepada pihak British di Pulau Pinang. Oleh itu tindakan Fullerton yang menyalahkan Sultan Aceh kerana tidak menyerahkan salinan peraturan-peraturan tersebut seolah-olah hanya ingin menunjukkan bahawa pedagang-pedagang British 'tidak bersalah' kerana tidak mengetahui perkara-perkara tersebut. Dalam tahun 1830-an Tengku Ibrahim yang menjalankan tugas mengutip cukai di Kerti dengan menggunakan Barque Bagiana didakwa telah terlibat dengan aktiviti 'perlanunan' * kerana beliau menahan kapal Arrarat kepunyaan seorang pedagang British. Kapten Salmond yang telah dihantar untuk memastikan hal tersebut

1. SSFR, (IOL) Vol. 145, Surat Gabenor kepada Sultan Alaudin Mohamed Shah, Jun 1829, t.h.

'Perlanunan' merupakan isu utama yang dibincangkan oleh pentadbir-pentadbir dan pedagang-pedagang Barat di Kepulauan Melayu terutamanya selepas tahun 1830-an. Pentadbir-pentadbir definisi perundangan yang tepat terhadap aktiviti 'penyerangan dan rampasan kapal'. Namun demikian terminologi 'perlanunan' (piracy) telah digunakan untuk menerangkan mengenai aktiviti tersebut. Robert Fullerton, Residen General Pulau Pinang, (1824-1827) menyifatkan bahawa, mana-mana pentadbir Melayu yang bertindak di luar daerah pemerintahannya sama ada di darat ataupun di Samudra Raya (high seas) sebagai lanun, (Rubin, Alfred, Piracy, Paramountcy and Protectorates, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974, hlm. 21). Perselidikan mengenai

menegaskan bahawa Tengku Ibrahim sebenarnya menjalankan tugas mengutip cukai dan tiada asas bagi pihak British untuk menuduh beliau terlibat dalam aktiviti perlanunan.¹

Kapten Chads yang turut membuat lawatan ke pantai barat Sumatera dalam bulan September atas arahan Gabenor Murchison (1833-1837)² untuk menyelidik kes tersebut melaporkan keraguan beliau untuk mendakwa komander kapal Barque Bagianna atas dakwaan 'perlanunan' atau membawa kapal tersebut di Pulau Pinang atas alasan tersebut. Ini adalah kerana Chads mendapati Barque Bagianna sememangnya kepunyaan kerajaan Aceh kerana ia mengibarkan bendera kerajaan Aceh.³ Beliau merasakan kemungkinan Barque Bagiana sebenarnya menjalankan tugas mengutip cukai adalah berasas. Sebaliknya akhbar Pinang Gazette and Straits Chronicle mempertikaikan alasan mengutip cukai dan menganggap ianya hanyalah diada-adakan.⁴

Laporan Chads ini menunjukkan bahawa pihak British

-
1. SSR, DD2, Surat Salmond kepada Residen Kaunselor Pulau Pinang, 13 September, f. 89.
 2. Henige, Colonial Governors, hlm. 176.
 3. SSFR, Vol. 145, Surat Kapten Chads kepada Gabenor Murchison, 22 September 1836, hlm. 490.
 4. Pinang Gazette and Straits Chronicle, 2 Februari 1839, hlm. 2.

nasih ragu-ragu dengan tuduhan pedagang-pedagang British yang menganggap tindakan pemerintah-pemerintah tempatan mengutip cukai sebagai aktiviti perlanunan. Buat kali seterusnya pihak British di Pulau Pinang terpaksa menerima kenyataan bahawa kerajaan Aceh berhak mengutip cukai di perairannya sendiri kerana Aceh diiktiraf sebagai 'sebuah kerajaan merdeka' dalam perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824.

Dalam tahun 1836, suatu lagi insiden berlaku di pantai Aceh di mana Kapten Paten (iaitu seorang rakyat British) isteri, anak dan seorang rakannya telah dibunuh di pantai tersebut.¹ Gabenor Murchison telah mengarahkan Kapten Congalton dari kapal Zephyr untuk menyiasat perkara tersebut. Lawatan Kapten Congalton mendapati bahawa Kapten tersebut, keluarganya serta rakannya sering bertindak kejam kepada anak-anak kapalnya.² Kekejaman mereka inilah yang menyebabkan anak-anak kapal membunuh mereka.

Biarapun, Gabenor Murchison tidak dapat menolak kebenaran laporan ini tetapi beliau merasa tidak puas hati

1. SSR, DD 4: Penang Letters to Governor, Januari 1837-Disember 1837. Kapten Patten dari Brig. Zoroaster telah dibunuh di Sawang yang terletak 25 batu di timur Pedir. Daerah tersebut terletak di bawah kekuasaan pemerintah Kampung Baru.
2. Tarling, Piracy and Politics, hlm. 193.

terana raja-raja tempatan di Sumatera termasuk Aceh dikatakan tidak mengambil apa-apa langkah perundangan terhadap pembunuh-pembunuh tersebut. Di dalam surat beliau kepada pihak British di Bengal, beliau mengakui kenyataan bahawa:¹

I am bound whilst claiming protection for British subjects, to state to His Lordship my conviction founded on many years experience and reference to official records, that in many cases our own Captains have provoked retaliation on the Coasts of Aceh, by unfair dealing and violence.

Murchison kemudiannya telah mengambil langkah menyekat perdagangan kapal-kapal besar kepunyaan Aceh ke Pulau Pinang. Beliau juga meminta bantuan dari pihak British di India agar kapal perang dihantar untuk mengawal pantai Aceh. Sekatan ini ternyata bertujuan untuk membalas tindakan putera-putera diraja Aceh yang didakwa menggunakan alasan mengutip cukai untuk menyerang dan merampas kapal-kapal dagang dari Pulau Pinang. Kapal-kapal dagang yang besar kebanyakannya dipunyai oleh kerabat diraja Aceh. Oleh itu sekatan ini amat menjejaskan pendapatan golongan ini yang ternyata mengharapkan perdagangan sebagai hasil pendapatan selain dari cukai. Tindakan pihak British di Pulau Pinang

1. SSFR, Vol. 145, Surat Gabenor Murchison kepada Mac-Naghten, 4 November 1836, hlm. 668.

ni menunjukkan bahawa walaupun British mengakui sikap-sikap uruk pedagang-pedagang mereka, tetapi tindakan-tindakan erundangan yang dilakukan oleh wakil-wakil Sultan Aceh terhadap pedagang-pedagang itu tidak diiktiraf oleh pihak British sebagai tindakan yang sah.

Dalam bulan November 1836, Raja Muda Aceh dengan Barque ohore yang siap bersenjata telah menahan Brig Hamoody, kapal kepunyaan seorang saudagar Culia dari Tellichery, pantai Koromandel. Kapal ini mengibarkan bendera British dan juga membawa beberapa orang jemaah haji. Raja Muda memerintahkan kapal tersebut membayar \$5000 dolar Sepanyol (Spanish Dollars/Sp. Drs.),¹ sekiranya ia mahu dibebaskan. Beliau memberi alasan bahawa jumlah wang tersebut adalah bayaran pampasan ke atas sekatan pihak British di Pulau Pinang terhadap kapal dagangnya Johore ke Pulau Pinang. Dalam bulan Disember, tahun yang sama, sebuah Schooner Fattal Garib kepunyaan seorang pedagang rakyat British menerima nasib yang sama dari Raja Muda Aceh atas alasan yang sama.²

- . SSFR, Vol. 170, Kenyataan Nakhoda, 23 November 1836, f. 678; SSR, DD 2, Surat Salmond kepada Residen Kaunselor Pulau Pinang, 10 September 1836, mengesahkan bahawa Mahomed Kassim ialah Nakhoda Brig. Hamoody, f. 92.
- . Tarling, Piracy and Politics, hlm. 192; SSR, DD 2, Laporan Mahomed Sallie [Salleh] Nakhoda Schooner Fattal Gharib di hadapan T. Church, Pemangku Magistret Pualu Pinang, 14 Disember, 1836, f. 115.

Pihak British di India menjanjikan seorang 'Commander-in-Chief' akan dihantar ke Pulau Pinang untuk tujuan kawalan pantai. Di samping itu pihak British di India telah menegur tindakan Murchison menyekat kapal-kapal dagang Aceh dari berdagang di Pulau Pinang.¹ Pihak British sebolehnya ingin mengelak diri dari terlibat dengan pemerintah-pemerintah di Sumatera sebagai menepati perjanjian tahun 1824. Lagipun pada masa itu pihak British amat menekankan dasar tidak campurtangan di dalam permasalahan di negeri-negeri tempatan di Kepulauan Melayu.

Chads yang merupakan 'Commander-in-Chief' yang dihantar oleh pihak British di India telah dinasihatkan agar tidak mengambil sesuatu tindakan yang akan menimbulkan masalah dengan pihak Belanda. Chads bertindak bertentangan dengan keinginan Murchison. Beliau telah menarik balik sekatan yang dikenakan ke atas Barque Johore dan Bagiana. Kesannya Raja Pedir, Tengku Ibrahim dan Sultan Aceh menyatakan kesanggupan mereka untuk membayar gantirugi kepada pemilik-pemilik kapal Hamoody dan Fattal Garib.

Masalah rampasan kapal yang dialami oleh pedagang-pedagang British menyebabkan mereka terus mendesak agar tindakan yang lebih 'keras' dilakukan oleh pihak British

1. SSFR, (IOL) Vol. 3, Surat Prinseps kepada Chads, 25 Januari 1837, f. 686.

ke atas pemerintah-pemerintah tempatan di Aceh dan Sumatera Timur serta Barat. Desakan-desakan ini yang dibuat secara terbuka di dalam Penang Gazette berbunyi:¹

It is rumoured that H.M.S. Hycinth, Captain Warren is about to proceed on a cruise. We hope that her destination may be to the east and west coast of Sumatra, where the presence of a British-man-of-war, must always prove highly beneficial to the trade of this port.

Di samping masalah rampasan kapal, pedagang-pedagang British juga mendesak agar pihak British melakukan 'checkmate' ke atas tindakan pihak Belanda di Sumatera Barat.² Aktiviti pihak Belanda menguasai Barus dan Sinkel pada tahun 1838-40, atas alasan memerangi golongan paderi amat membimbangkan pedagang-pedagang British. Kapten Bacon dari Brig Anna, melaporkan bahawa Barus telah dikuasai oleh Belanda pada tahun 1838 tetapi di Sinkel, Residen Belanda di Tapanuli mendapat tentangan hebat dari Rajah Hariz (Rajah Muhammad Arif), pemerintah Sinkel. Baginda mendakwa bahawa:³

[T]he Rajah himself is a dependent of Acheen [Aceh], and in the absence of positive orders

1. Penang Gazette and Straits Chronicle, 22 September 1838, hlm. 2.
2. Ibid.
3. Penang Gazette and Straits Chronicles., 14 Julai 1838, hlm. 2.

from his superior Lord [Sultan Aceh] he had no alternative than to continue in his original fealty.

Baginda mengutus surat kepada Sultan Aceh dan pihak British meminta bantuan. Kapten Baum dalam laporannya menempelak sikap pihak Belanda yang menguasai kawasan yang tidak berada di bawah hak mereka. Beliau juga mendesak pihak British mengambil langkah yang patut terhadap tindakan pihak Belanda itu:¹

It is hoped a deliberate consideration may be given by the British Government previous to any contemplation of refusal to a solicitation, if in reality made, of so reasonable a nature. In the treaty between the government of Great Britain and Holland, the former yields to the latter all the British possessions on the West Coast; but we cannot discover in that grant the cession of Barus, or Sinkel, places on that coast to which they would fair lay claim vi et armis, to the possession of which in our humble opinion, they have no right whatever without a previous notice and positive acknowledgement from the Home, not the Indian authorities... .

Pihak British yang tidak mahu mewujudkan ketegangan hubungan dengan pihak Belanda tidak berbuat apa-apa terhadap kes Barus dan Sinkel. Jika diteliti persetujuan pihak British dan pihak Belanda untuk menjamin 'kemerdekaan' Aceh

1. Ibid.

di dalam Perjanjian London 1824, adalah amat nyata bahawa penguasaan Belanda ke atas Barus dan Sinkel yang merupakan daerah-daerah naungan Aceh adalah menyalahi persetujuan tersebut. Tindakan Belanda ini menyebabkan hubungannya dengan Aceh menjadi tegang.

Di samping persaingan kuasa pihak British dan Belanda di Timur, kedatangan beramai-ramai pedagang Eropah ini termasuk dari Amerika juga turut meningkatkan aktiviti 'rampasan kapal' oleh golongan diraja Aceh.¹ Kebanyakan pedagang ini tidak mematuhi peraturan perdagangan di Aceh. Mereka tidak mendapatkan surat izin dari Sultan di Kuta Raja, Teluk Samoy ataupun Uleulhee sebelum berdagang dengan pelabuhan-pelabuhan kecil Aceh sama ada di Sumatera Barat mahupun di Sumatera Timur. Di samping itu, terdapat juga pedagang-pedagang Eropah terutamanya pedagang-pedagang Amerika menjalankan penyeludupan bagi mengelakkan cukai. Aktiviti pedagang-pedagang Eropah ini lazimnya dibalas oleh 'wakil-wakil sultan' dengan menyerang dan merampas kargo. Pedagang-pedagang tempatan yang tidak mampu menyaingi pedagang-pedagang Eropah kadangkala, turut terlibat dalam aktiviti rampasan kapal ini.

1. Sehingga tahun 1850, pedagang-pedagang Amerika Syarikat terutamanya dari Boston dan Salem menguasai perdagangan lada hitam di daerah-daerah jajahan Aceh di Sumatera Barat, lihat J.W. Gould, "Sumatra-America's Pepperpot, 1784-1873", Essex Institute Historical Collection, No. 22, 1956, hlm. 102-104, 116-132

Pada bulan Oktober 1838, Wilkin, iaitu Kapten kapal Amerika, Eclipse telah dibunuh oleh penduduk Trabanga iaitu sebuah kampung yang terletak di dalam daerah Tampak Tuan, dua batu dari Muki. Perbalahan berpunca daripada perselisihan mengenai harga lada hitam. Sebanyak empat peti andu dan 18,000 Sp. Drs. telah dirampas oleh penduduk tempatan yang diketuai oleh Lebbey Ousso [Lebai Yusof].¹ Kesannya pada tahun 1839, kapal perang Amerika Columbia di bawah pimpinan Komodor Reid, Komodor John Adam dan Kapten Lyman telah menyerang Tampak Tuan.² Dalam laporannya, Penang Gazette mendesak agar pihak British menuruti langkah pihak Amerika iaitu mengambil langkah yang lebih keras terhadap pemerintah-pemerintah tempatan iaitu:³

[T]he more energetic conduct of the American Government will make the English to appear in the eyes of the natives in those parts a weaker and inferior power; and may also be the means of the Americans obtaining the monopoly of the pepper trade on the West Coast.

Pada tahun yang sama, Muki telah dimusnahkan oleh kapal perang Perancis Le Drogogie kerana pembunuhan Kapten Van

1. Penang Gazette and Straits Chronicles, 14 Julai 1838, hlm. 1-2.

2. Penang Gazette and Straits Chronicles., 2 Februari 1839, hlm. 1 & 28 Januari 1841, hlm. 2.

3. Ibid.

seghem dari kapal dagang Perancis L`Aglae.¹

Raja Muda kembali beroperasi setelah beberapa tahun menghilangkan diri. Beliau muncul dengan sebuah kapal baru, ngelina dalam tahun 1841.² Beliau mentadbir pelabuhan-elabuhan antara Jambu Air (Diamond point) dan Samalangga. Pada bulan Januari 1841, beliau dilaporkan telah menahan beberapa buah perahu dagang dan merampas duit serta harta mereka. Kemangkatan beliau dalam tahun tersebut merupakan berita gembira kepada pedagang-pedagang.

Dalam tahun 1844, serangan dan rampasan kapal telah dilakukan oleh Tengku Abbas, seorang lagi saudara Sultan Aceh, ke atas kapal Fattal Khair di Batu dan ke atas kapal Robert Spankie oleh Raja Muda di Meredu.³ Kapal wap Diana telah dihantar ke Aceh untuk menyiasat penglibatan Sultan Aceh di dalam kedua-dua kejadian tersebut. Siasatan yang dijalankan mendapati Sultan Aceh tidak terlibat langsung di dalam kedua-dua insiden tersebut. Akhirnya, H.M.S. Arlequin dan H.M.S. Wanderer telah dihantar ke kedua-dua empat tersebut. Pampasan berjumlah \$2,000 diminta bagi kes

-
- . Penang Gazette and Straits Chronicles., 10 Februari 1840, hlm. 2.
 - . Penang Gazette and Straits Chronicles., 28 Januari 1841, hlm. 2.
 - . Tarling, Piracy and Politics, hlm. 197.

Attal Khair dan \$1,000 bagi kes Robert Spankie.¹

Sekali lagi Sultan Aceh, merujuk kepada dua kejadian ini, menulis sepucuk surat ke Pulau Pinang meminta agar pihak British di Pulau Pinang mengarahkan kapal-kapal perdagangan yang ingin berdagang sama ada ke pantai timur ataupun pantai barat Aceh agar singgah di Kuta Raja mengambil surat izin diraja.² Baginda juga menyatakan kesediaannya untuk membantu pihak British dalam hal tersebut. Bersama-sama kedua buah kapal tersebut Gabenor Butterworth juga mengirim surat meminta Sultan Aceh membayar pampasan terutamanya dengan merujuk kembali perjanjianaffles-Coombs dengan Sultan Jauhar al-Alam dalam tahun 1819 itu jaminan kebebasan kepada pedagang-pedagang British di Aceh. Di samping masalah kewangan yang dihadapi baginda, alasan lain menyebabkan Sultan Aceh enggan membayar pampasan tersebut ialah kerana kedua-dua buah kapal tersebut tidak mempunyai surat izin perdagangan dari Kuta Raja.

Akhirnya kapal-kapal perang British ini terpaksa membuat perhitungan sendiri dengan kedua-dua saudara Sultan Aceh tersebut. Pada 9 Februari 1844, Komander Seymour dari kapal Wanderer dan Kapten Hastings dari kapal Harlequin

Ibid.

SSR, DD42, Surat Sultan Aceh kepada Gabenor Butterworth, 9 November 1843, f. 14.

elah mengunjungi Raja Pedir dan meminta agar Tengku Abbas menyerah diri dan juga membayar pampasan seperti jumlah yang diminta. Raja Pedir meminta rombongan tersebut menunggu hingga keesokan harinya. Pada hari berikutnya, Tengku Abbas tidak diserahkan kepada pihak British dan Raja Pedir hanya bersedia membayar 300 Sp. Drs. Akhirnya Kuala Batu telah dibedil dan dimusnahkan kerana kegagalan Tengku Abbas menyerah diri.¹ Rombongan ini kemudiannya telah menuju ke Meredu di mana Meredu juga dibedil dan dimusnahkan kerana keengganan Raja Muda menyerah diri.

Pada 29 Mac 1851, Barque Clementina dari Sicily telah diserang dan harta bernilai 3,000 Sp. Drs. telah dirampas oleh penduduk Dahia dekat Kuala Klewang.² Kesemua anak-anak kapal tersebut telah dibunuh. Insiden ini berlaku akibat dari perselisihan mengenai penipuan dalam timbangan lada. Pihak British lebih berhati-hati dalam tindakannya untuk menyelesaikan masalah ini kerana tidak mahu timbulnya masalah dengan pihak Belanda. Pihak Perancis dengan kapal Cassini telah melaporkan perkara ini kepada Sultan Ibrahim di Aceh. Sultan Ibrahim ternyata telah menunaikan janji baginda dengan mengambil tindakan menyerang penduduk

1. Tarling, Piracy and Politics, hlm. 198.

2. Pinang Gazette and Starits Chronicles, 1 April 1851, hlm. 2.

di Dahia dan mendapatkan kembali harta rampasan tersebut.¹ Tindakan Sultan Ibrahim (p.1838-1879) ini memusnahkan anggapan pihak Perancis yang sebelum ini menganggap baginda sebagai seorang yang lemah. Sebelum ini pihak Perancis telah beberapa kali meminta bantuan dari pihak Belanda, namun tiada reaksi positif yang ditunjukkan.

Pada masa ini, Aceh berada di dalam suasana perang saudara antara Sultan Ibrahim dengan anak saudara baginda iaitu putera Sultan Alauddin Mohamed Syah. Putera Sultan Alauddin Mohamed Syah ini telah bertindak memusnahkan barque kepunyaan Sultan Ibrahim dan mengganggu pedagang-pedagang yang berdagang di Aceh. Tujuan beliau ialah untuk melumpuhkan ekonomi Aceh. Kapten Lambert telah melawat Aceh dengan kapal Serpent² dalam bulan September 1851. Tujuannya ialah untuk memberi amaran kepada putera saudara Sultan Ibrahim agar tidak mengganggu kapal-kapal dagang yang mengibarkan bendera British. Walaupun Sultan Ibrahim tidak mendapat bantuan senjata dari pihak British tetapi 'ancaman' Kapten Lambert kepada putera saudaranya, sekurang-kurangnya telah meletakkan Sultan Ibrahim pada kedudukan yang agak stabil.

1. Tarling, Piracy and Politics, hlm. 200.
2. Ibid., hlm. 200.

Dalam bulan Jun 1852, Laksamana Austen telah berlabuh di Aceh dengan 'flagship' Hastings dan H.M.S. 'Sloop' Raffles. Beliau telah melawat putera saudara Sultan Ibrahim tersebut. Putera raja itu telah meminta pinjaman wang sebanyak \$30,000 dan sebuah 'frigate'. Permintaan-permintaan beliau tidak dilayan sebaliknya beliau telah diberi amaran agar tidak menyerang kapal-kapal yang berdagang di Aceh dengan ancaman bahawa beliau akan didakwa terlibat dalam aktiviti 'perlanunan'. Biarpun ancaman Laksamana Austen ini tidak bertujuan untuk campurtangan di dalam pergolakan politik di Aceh. Namun begitu ancaman tersebut secara tidak langsung dilihat sebagai sokongan pihak British terhadap Sultan Ibrahim. Kedudukan Sultan Ibrahim stabil kerana perhatian pegawai-pegawai British ini.¹

(iii) Hubungan Aceh-Belanda

Sejak awal Kerajaan Aceh dan pihak Belanda tidak mempunyai hubungan baik. Pegawai-pegawai Belanda di Pantai

1. Kegiatan 'perlanunan' juga dilaporkan berlaku di Sumatera Timur, contohnya di Serdang pada tahun 1856, lihat F/4/2708, Collection No. 1, Indian Political Department, 'Complaint of a Native Trader of Penang of the Seizure of a Vessels belonging to him by the Rajah of Serdang, (no. hlm./folio mengelirukan).

Barat Sumatera menggunakan alasan Perang Padri bagi menunjukkan permusuhan kepada Aceh. Sultan Aceh telah tidakwa membantu golongan Padri ini. Tindakan pihak Belanda menduduki Barus, Tapus, Sinkel dan Trumun atas alasan Perang Padri mendapat bantahan dari Aceh. Reaksi Aceh terhadap tindakan Belanda ini tidak mendapat perhatian berat dari pihak Belanda sehinggalah wakil Aceh iaitu Sidi Muhammad melawat Napoleon III di Paris pada tahun 1854.¹ Utusan Sidi Muhammad ke Paris ternyata dilihat sebagai suatu ancaman kepada pemerintahan Belanda di Sumatera. Berikutan dengan itu pada tahun 1855, Pahud yang menjadi Gabenor Jeneral Belanda di Betawi telah mengambil keputusan menghentikan aktiviti secara langsung Belanda di dalam masalah dalaman sesebuah negeri di Sumatera. Hanya perjanjian-perjanjian yang menjamin monopoli perdagangan Belanda dengan negeri-negeri tempatan termasuk Siak dan Aceh akan ditandatangani.

Bagi mencapai tujuannya pihak Belanda telah menghantar kapal perang nya ke Aceh pada tahun 1855. Pihak Belanda menanti masa agar Aceh memulakan usaha-usaha untuk memulihkan persahabatan antara kedua pihak. Di pihak Sultan Ibrahim (1838-1870) dan Aceh pula, negeri tempatan ini berusaha untuk mengembalikan kekuatan Aceh. Baginda mendapat

.. Anthony Reid, The Contest for North Sumatra, Atjeh, the Netherlands and Britain, 1858-1898, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 21; De Klerck, De Atjeh Oorlog, hlm. 208.

sokongan kuat dari saudara iparnya iaitu Tungku Raja Pakeh Dalam, Uleebalang Pedir (1830-1870). Tungku Raja Pakeh Dalam telah dikurniakan 'sarakata' sebagai Uleebalang Pedir dalam bulan April 1853. Dalam tahun 1854, Tungku Pakeh dan Pangeran Husin, iaitu putera kepada Tuanku Ibrahim memulakan ekspedisi menetapkan kuasa Aceh di Sumatera Timur. Rombongan mereka mengandungi lebih kurang 200 buah perahu. Pemerintah-pemerintah Langkat, Deli dan Serdang telah berjaya dipaksa menerima 'kedaulatan' Aceh dan mereka dilantik sebagai pahlawan, wakil dan wazir kepada Sultan Aceh.¹

Kebangkitan semula kuasa Aceh ternyata memberi tamparan hebat kepada perluasan pengaruh Belanda di Sumatera. Pada tahun 1855 dan tahun 1856, pihak Belanda telah menghantar dua rombongan ke Aceh untuk membincangkan mengenai hubungan seduanya.² Pada tahun 1856, Sultan Aceh telah meminta nasihat dari Gabenor British E.A. Blundell (1855-1861) samada baginda patut menerima rombongan Belanda dengan baik atau sebaliknya.³ Setelah menerima jawapan dari Blundell,

1. Ibid., hlm. 16; Mohammad Said, Atjeh Sepanjang Abad, hlm. 319.
2. P.J. Veth, Atchin en zijne Betrekkingen tot Nederland 1873, hlm. 122; De Klerck, De Atjeh-Oorlog, Vol. 1, hlm. 208-209, 213-223.
3. SSR, DD 42, Surat Sultan Aceh kepada Gabenor, 30 April 1856; Blundell kepada Sultan, 17 May 1856.

akhirnya Sultan Aceh memberi layanan baik kepada rombongan Belanda tersebut. Satu perjanjian antara pihak Belanda yang diwakili oleh General Van Swieten yaitu Gubernur Belanda di Pantai Barat Sumatera dengan Sultan Aceh telah ditandatangani pada 30 Mac 1857 di Banda Aceh.¹ Perjanjian ini lebih merupakan perjanjian persahabatan dan perdagangan daripada perikatan ketenteraan dan pertahanan. Buat sementara waktu hubungan antara pihak Belanda dengan Aceh serta British berjalan dengan baik.

iv) Aktiviti Adam Wilson Dan Perjanjian Siak 1858

Berbanding dengan kemunculan semula kuasa Aceh di bawah pemerintahan Sultan Ibrahim (1838-70), kuasa Siak iaitu kerajaan Aceh di Sumatera Timur telah merosot. Kejayaan Sultan Ibrahim menetapkan semula kuasanya di Langkat, Perdang dan Deli pada tahun 1853 menandakan kuasa Siak telah merosot di Sumatera Timur.

Kemerosotan kuasa Siak amat jelas sekali, apabila pada masa yang sama berlaku masalah perebutan takhta di dalam

. Reid, The Contest for North Sumatra, Atjeh, the Netherlands and Britain, 1858-1898, hlm. 22.

negeri. Perebutan takhta terjadi apabila kuasa Sultan Ismail (1827-64) dicabar oleh saudara mudanya Tengku Putera yang bergelar Raja Muda pada tahun 1840. Tengku Putera berjaya merampas takhta pada tahun 1856. Sultan Ismail gagal mendapat kembali takhta pemerintahannya, menyebabkan baginda beralih meminta pertolongan dari Gabenor Negeri-negeri Selat, iaitu Blundell di Singapura. Blundell yang amat berpegang teguh kepada syarat-syarat Perjanjian British-Belanda antara kerajaan Belanda dan Britain enggan campurtangan dalam perselisihan tersebut.

Akhirnya Sultan Ismail mendapat bantuan dari Adam Wilson iaitu kerani firma Martin, Dyce & Co. Biarpun mendapat amaran dari Blundell mengenai tindakan beliau, Adam Wilson tetap bertolak ke Siak bersama-sama rakannya Martin Carnie pada bulan November 1856. Sultan Ismail berjanji akan memberikan Pulau Bengkalis dan 1/3 daripada pendapatan Siak kepada Wilson sekiranya Wilson dapat membantu Sultan mendapatkan semula takhta Siak dari Tengku Putra. Tindakan Wilson ini menimbulkan kebimbangan pihak Belanda di Betawi.¹ Melalui pertolongan orang-orang Bugis yang telah direkrut olehnya, Wilson telah berjaya meletakkan semula Sultan Ismail ke atas takhta kerajaan Siak. Tetapi kemudiannya

1. Singapore Free Press (SFP); C.M Turnbull, The Straits Settlements 1826-67, Kuala Lumpur: Oxford University Press., 1972, hlm. 170.

wujud perselisihan paham di antara Wilson dengan Sultan Ismail apabila Sultan tersebut tidak menepati janjinya kepada Wilson. Perselisihan ini menyebabkan Sultan Ismail berpaling meminta bantuan dari Residen Belanda, J.F.N. Nieuwenhuyzen di Riau.¹ Residen Riau berjaya mendamaikan Sultan Ismail dengan adiknya. Residen Belanda di Riau menghantar laporan kepada Gabenor British Blundell di Singapura bertarikh 22 Mei 1857 dengan tujuan iaitu:²

[To] inform him [Blundell] that a certain inhabitant of Singapore, Mr. Adam Wilson, has during some months at Siak, committed acts greatly at variance with accepted rules in the mutual intercourse of nations states that according to a report of the Commander of the Netherland India Gunboats, the Bugis men of Mr. Wilson appear to have attacked the Sultan of Siak in residence, obliging him to flee with his brothers for protection.

Blundell menegaskan kepada Residen Belanda di Riau bahawa Wilson tidak mewakili pihak British.³ Pihak Belanda yang menghantar kapal perangnya berjaya mengusir Wilson. Pada 11 Jun 1857, Wilson meminta bantuan kapal perang dari Blundell dan memprotes tindakan perluasan kuasa Belanda

-
1. Reid, The Contest for Sumatra, Atjeh, the Netherlands and Britain, 1858-1898, hlm. 26.
 2. EIC Records [Relating to Straits Settlements, 1786-1860], (NUS) No. 23, f. 298-299.
 3. Ibid., Balasan Blundell kepada Residen Belanda di Riau, No. 24, f. 301.

di Siak.¹ Dalam balasannya Blundell tidak memberi bantuan kepada Wilson sebaliknya membantah tindakan Wilson serta menyatakan bahawa tiada apa-apa surat bantahan yang diterima oleh pemerintah dan pembesar Siak terhadap campurtangan Belanda itu.¹ hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pemerintah Siak sanggup berada di bawah kekuasaan Belanda.

Gagal mendapat simpati Blundell, Wilson cuba mendapatkan bantuan dari Kapten Grenfell, iaitu Komander kapal H.M.S. Amethyst. Sekali lagi usaha Wilson menemui kegagalan. Wilson kemudiannya telah meminta bantuan dari pihak British di India. Pada bulan September 1857, Lord Clarendon telah menghantar bantahan Wilson terhadap aktiviti Belanda di Siak kepada Abercromby, Menteri Luar British di The Hague, untuk dikemukakan kepada kerajaan Belanda. Pihak British di India (India Board) memberi indikasi bahawa pihak British patut berpegang kepada dasar 1841 iaitu menolak justifikasi untuk Belanda untuk ^{campur tangan} dalam hal ehwal negeri tempatan yang merdeka.² Secara tidak langsung bermaksud pihak British di India menyokong tindakan Wilson. Namun demikian Abercromby mendapati bahawa Wilson cuba -----

1. Ibid., Adam Wilson kepada Blundell, No. 3, 11 Jun 1857, f. 303.
2. Nicholas Tarling, "British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871", JMBRAS, Vol. XXX, no. iii, Jun 1957 hlm. 160.

menjadi 'raja merdeka' di Pulau Bengkalis menyebabkan beliau ragu-ragu untuk membangkitkan hal tersebut. Pejabat Hal Ehwal Luar British (Foreign Office) menjelaskan kepada pihak British di India (India Board) bahawa, ia tidak menyokong tindakan Wilson kerana:¹

By the ninth article of the treaty of 1824, it is agreed that no British settlement should be formed on Sumatra; and although its true that Mr. Wilson's settlement is not a British Government settlement, it is equally clear that he does not consider his tenure of the island of Bengkalis in the light of the private property of a subject of the Raja of Siak.

Insiden Wilson merupakan salah satu dari tiga insiden campur tangan individu Eropah di Sumatera Timur.² Perhubungan di Sumatera Timur ini membimbangkan pihak Belanda menyebabkan minat Belanda di kawasan itu muncul kembali.

Pada bulan Julai 1857, Nieuwenhuyzen telah menandatangani perjanjian persahabatan dengan Siak dan menghantar kapal perang ke Bengkalis dan memaksa Wilson kembali ke Singapura. Tindakan ini menyebabkan Wilson -----

.. Ibid., hlm. 161.

1. Pada tahun 1854, Jose's d Almeida & Sons daripada Singapura telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Indragiri untuk mendapatkan konsesi arangbatu di Indragiri. Sementara itu, pada tahun yang sama juga, Gibson, seorang rakyat Amerika telah memujuk Sultan Jambi menentang Belanda.

melaporkan bahawa pihak Belanda memberi layanan yang buruk kepada rakyat British.¹

Walau bagaimanapun Mijer yang menjadi Menteri Tanah Jajahan Belanda berpendapat bahawa perjanjian persahabatan tidak memadai untuk menjamin keselamatan Sumatera Timur dari campurtangan kuasa barat yang lain. Akhirnya pada 1 Februari 1858, pihak Belanda telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Siak yang mana meletakkan Siak dan jajahannya sebagai negeri jajahan Belanda. Walau bagaimanapun beberapa pihak melahirkan rasa bimbang perjanjian tersebut akan mengganggu perdagangan British di Sumatera Timur tetapi Blundell menganggap perjanjian tersebut penting untuk menamatkan anarki di Siak.² Bantahan dikemukakan oleh pedagang British di Pulau Pinang yang bimbang tindakan Belanda menjadikan Siak sebagai jajahannya akan menggugat perdagangan lada hitam di pelabuhan-pelabuhan kecil Asahan, Deli dan Langkat.³ Ini adalah kerana perdagangan lada hitam di Sumatera Timur memberi sumbangan yang besar kepada perdagangan Pulau Pinang.

1. Klerck, De Atjeh Oorlog, I, hlm. 239-240.
2. Turnbull, The Straits Settlements 1826-67, hlm. 171.
3. Ibid.; SFP, 1 Januari, 18 Februari, 25 Februari, 10 Jun & 19 Ogos 1858.

(v) 1858-1865: Campur tangan Belanda di Sumatera Timur

Perjanjian Siak dalam tahun 1858 telah meletakkan Siak sebagai tanah jajahan Belanda. Perjanjian ini juga mengiktiraf daerah-daerah jajahan Siak meliputi Langkat, Serdang, Deli, Batu Bara dan tempat-tempat lain sehingga ke sempadan Tamiang di utara Sumatera Timur. Sungai Tamiang diletakkan sebagai sempadan antara kawasan pemerintahan Aceh dengan daerah pemerintahan Siak. Perkara ini tidak disedari oleh pegawai-pegawai Belanda sehinggalah Elisa Netscher menjadi Residen Belanda di Riau dalam tahun 1861.¹ Beliau tidak melepaskan peluang keemasan ini. Beliau memulakan ekspedisi melawat negeri-negeri Melayu di Sumatera Timur untuk memberitahu kedudukan mereka sebagai tanah jajahan Belanda akibat dari perjanjian tersebut.

Perjanjian ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan Sultan Aceh dan pemerintah-pemerintah tempatan di Sumatera Timur. Perkembangan ini juga membimbangkan pedagang-pedagang British terutamanya di Pulau Pinang yang tidak mahu Belanda meluaskan kuasanya di Sumatera Timur. Sementara pihak British pula amat berhati-hati untuk mengambil sebarang tindakan terhadap aktiviti pihak Belanda

1. Reid, The Contest for North Sumatra, Atjeh, the Netherlands and Britain, 1858-1898, hlm. 30.

ni. Dalam bulan September 1858, Perjanjian Siak ini telah ikemukakan oleh pemerintah Belanda kepada Pejabat Hal Ehwal uar British. Tiada perbincangan yang dilakukan berkaitan engan perkara tersebut. Reaksi sedemikian, mungkin isebabkan polisi perdagangan liberal yang disarankan oleh erajaan Pahud di Belanda. Pahud telah memberitahu wakil ritish di The Hague bahawa tarif yang akan dikenakan i Siak adalah non-differential.

Elisa Netscher berjaya mendapat persetujuan dari engeran Langkat, iaitu Tengku Ngah yang berjanji akan enyerahkan Pulau Kompai kepada pihak Belanda sekiranya eliau dibantu untuk mengalahkan Tuanku Hashim, wakil Sultan ceh. Permohonan Tengku Ngah dari Langkat ini membuka jalan epada dasar yang lebih agresif oleh Netscher. Disebabkan ermohonan ini, pihak Belanda di Betawi telah mengiktirafkan indakan Netscher.

Dalam tahun 1859, Sultan Aceh telah memberikan cop baru epada Sultan Deli apabila baginda ditabalkan 'semula' oleh ultan Aceh. Bagi menetapkan kuasanya dan menunjukkan overeigntynya ke atas negeri-negeri Melayu di Sumatera imur, Sultan Aceh telah melantik Sultan Ahmad Syah dari sahan sebagai 'wakil Aceh' di semua daerah antara Serdang an Siak. Keadaan ini amat membimbangkan Belanda. Pengaruh ceh yang cuba menyaingi Belanda perlu disekat.

Lawatan Netscher yang pertama dilakukan pada 21 Ogos 1862. Rombongan beliau disertai oleh beberapa orang pembesar Siak. Beliau telah melawat Panai, Bila, Serdang, Deli dan Langkat. Pembesar-pembesar Siak yang hadir itu tidak dikenali oleh pemerintah-pemerintah tempatan di situ.¹ Keadaan ini memperjelaskan bahawa Acehlah yang mempunyai pengaruh yang kuat di kawasan itu, bukan Siak seperti yang ingin dibuktikan oleh Netscher.

Di Langkat, walaupun Sultan Langkat yang telah berjaya menduduki semula takhtanya menyatakan persetujuannya tunduk di bawah sovereignty Belanda, tapi Netscher mengelakkan daripada menandatangani perjanjian bertulis dengan Pangeran Langkat. Netscher bimbang tindakan tersebut akan lebih emburukkan hubungan Langkat dengan jiran-jirannya. Sebaliknya dengan pemerintah-pemerintah tempatan dari daerah-daerah lain Netscher bersetuju menandatangani perjanjian bertulis. Kesemua pemerintah tersebut kemudiannya diserahkan ke 'jawatan' masing-masing oleh Netscher. Kesemua pemerintah-pemerintah ini berjanji tidak akan membuat perjanjian dengan atau membenarkan kuasa-kuasa lain menetap di daerah-daerah mereka tanpa izin dari pihak Belanda. Netscher berjaya memujuk kesemua pemerintah-pemerintah

. Luckman Sinar, Sari Sedjarah Serdang, hlm. 64-65.

tempatan tersebut kecuali Asahan untuk mengiktiraf pengaruh Siak ke atas mereka, ~~dan~~ Deli. Netscher telah tiba di Deli pada 21 Ogos 1862, Sultan Mahmud menyambut Netscher bersama Raja Tamiang. Deli diterima sebagai jajahan Belanda dengan taraf yang sama dengan Siak.¹

Sementara itu,
Sultan Ahmad Syah, pemerintah Asahan, enggan menerima 'pertuanan' Siak dan Belanda walaupun Sultan Deli dan Kontroler Belanda dihantar sebagai 'orang tengah'. Netscher mengarahkan Sultan Ahmad Syah menemui beliau di atas kapal Belanda. Sultan Ahmad Syah enggan berbuat demikian kerana status baginda dan Netscher yang berlainan. Baginda merasa dimalukan dan melaporkan kepada pihak British mengenai hal tersebut. Netscher memberi amaran kepada Sultan Ahmad agar memberi alasan terhadap bendera British yang dikibarkan di Asahan. Sultan Ahmad melaporkan bahawa bendera tersebut dikibarkan oleh pedagang-pedagang Cina dari Pulau Pinang sebagai langkah menjaga kepentingan perdagangan mereka di Asahan. Netscher tidak berpuas hati dengan jawapan yang telah diberikan oleh Sultan Ahmad Syah itu. Beliau merasakan bahawa tindakan tegas seperti yang pernah dilakukan terhadap Wilson perlu dilakukan terhadap pedagang-pedagang itu tapi

1. Reid, The Contest for Sumatra, Atjeh, the Netherlands and Britain, hlm. 34; Schadee, Geschiedenis van Sumatra's Oostkust, I, Amsterdam: Oostkust van Sumatra Instituut, 1918, hlm. 93-97.

mendapat amaran keras dari pihak Belanda di Betawi.¹

Perlantikan Kolonel Orfeur Cavenagh (1859-67)² sebagai Gabenor Negeri- **Negeri** Selat dalam tahun 1859 memberi harapan baru kepada pedagang-pedagang British terhadap dasar perluasan Belanda. Cavenagh bersimpati dengan pedagang-pedagang British. Beliau menegaskan kepada pemerintah-pemerintah tempatan di Sumatera Timur bahawa kerajaan British tidak mengiktiraf tindakan Belanda ke atas mereka. Beliau telah mengirim Residen Kaunselor Pulau Pinang iaitu Major Man ke Sumatera Timur untuk menyiasat laporan pedagang-pedagang British mengenai tindakan Pengeran Langkat an Sultan Deli. Major Man juga diarah agar memastikan sama ada syarat-syarat Perjanjian Anderson 1823³ masih ditepati oleh raja-raja tempatan di situ.

Major Man mendapat gambaran bahawa raja-raja tempatan di situ telah dipaksa menandatangani perjanjian dengan Belanda walaupun mereka lebih minat berhubungan rapat dengan pihak British. Beliau menemui Sultan Asahan dan Raja

1. Ibid., hlm. 35.

2. Ibid., hlm. 36; Untuk latar belakang mengenai pentadbiran Cavenagh, lihat juga Manomany Doraisingham, "Colonel Orfeur Cavenagh, Governor of the Straits Settlements, (1859-1867)", Academic Exercise, University Malaya, Singapore, 1961.

3. Lihat Lampiran I.

Serdang tetapi tidak dapat menemui Sultan Deli yang tidak menghadirkan diri di Asahan.

Cavenagh amat bersimpati dengan pedagang-pedagang British. Beliau telah menghantar kapal perang ke Pantai Timur Sumatra sebanyak empat kali antara tahun-tahun 1862-1863 atas desakan Singapore Chamber of Commerce. Pluto, kapal perang yang dihantar telah melawat Deli, Langkat, Asahan dan Serdang dalam bulan Mac 1863 dan sekali lagi pada bulan Ogos tahun yang sama. Lawrence Nairne yang turut serta dengan kapal Pluto memberi amaran kepada Sultan Deli yang mengibarkan bendera Belanda. Dalam bulan Mei 1864, Pluto membuat lawatan seterusnya ke Sumatera Timur. Kapten Fox, komander kapal tersebut, telah diingatkan agar tidak menimbulkan sebarang masalah dan tidak memberi sebarang arahan kepada pemerintah-pemerintah tempatan. Namun demikian Fox telah menyoal seorang Datuk dari Batu Bara mengenai bendera Belanda yang dikibarkan. Fox juga menyuruh pemerintah Batu Bara meminta bantuan dari pemerintah British di Singapura, bukannya dari pemerintah Belanda di Riau kerana beliau menghadapi apa-apa masalah. Dalam bulan April 1865, sekali lagi kapal perang British dihantar ke Sumatera Timur.

Cavenagh mendesak agar pemerintah British kembali kepada dasar Palmerston dalam tahun 1841 iaitu mengakui

eaabsahan perjanjian antara Anderson dengan pemerintah-
emerintah tempatan di Sumatera Timur dalam tahun 1823.¹
amun demikian Cavenagh tidak dapat berbuat apa-apa cuma
emberi harapan-harapan kosong kepada pemerintah-pemerintah
empatan di situ. Kerajaan British di London tidak memberi
zin atau sebarang keputusan yang muktamad mengenai dasar
ereka terhadap pemerintah-pemerintah tempatan ini. Dalam
ulan Ogos 1864, Cavenagh terpaksa memberitahu Yang
ipertuan Asahan bahawa perkara tersebut masih di tahap
erbincangan di London dan juga berterus terang bahawa
sahan tidak mungkin mendapat perlindungan British kerana ia
idak mempunyai perjanjian bertulis dengan Britain.

Dalam bulan Jun 1864 dua orang Kontroler Belanda
ilantik masing-masing di Deli dan Batu Bara setelah pihak
elanda mendapat jaminan bahawa Lord Russell, di England
ngin mengelak sebarang perselisihan dengan pemerintah
elanda. Pada masa yang sama, Fransen Van de Putte (1863-66)
enjadi Menteri Tanah Jajahan Belanda di The Hague, Belanda.
an de Putte ternyata memberi izin kepada ekspedisi Netscher
ang seterusnya.

Peluang untuk campur tangan British seterusnya didapati
pabila sebuah tope kepunyaan Khoo Poh seorang pedagang dari

. Reid, The Contest for North Sumatra, Atjeh, the Nether-
lands and Britain, hlm. 38.

ulau Pinang dirampas di Tamiang. Pihak British di Singapura mempunyai hasrat untuk menghantar kapal perang tetapi mendapat arahan dari pihak British di India agar menunggu arahan dari London. Kerajaan British di London tidak mempunyai bantahan kepada penghantaran sebuah kapal perang ke Tamiang. Namun apabila pihak Belanda mengirim surat kepada Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri menyatakan bahawa Tamiang adalah jajahan Belanda berdasarkan perjanjian Siak 1858, arahan kepada penghantaran kapal perang telah ditarik balik. Pihak Belanda telah menghantar Kontroler Deli ke Tamiang untuk menyelesaikan hal tersebut. Beliau menemui penghampaan apabila Raja Bendahara pemerintah Tamiang mengakui bahawa baginda adalah rakyat Aceh.

Dalam bulan Ogos 1865, Van der Putte memberi persetujuan kepada ekspedisi Netscher. Akhirnya rombongan Belanda dengan tujuh buah kapal wap dan 1400 tentera berjaya menduduki Pulau Kompai. Tamiang tunduk di bawah tekanan Belanda bila Raja Bendahara melarikan diri ke Aceh. Netscher telah melantik Pengeran Langkat sebagai pemerintah di bawah naungan Siak dan mengumumkan kepada pembesar-pembesar Tamiang bahawa Sungai Tamiang menjadi sempadan antara Aceh dengan jajahan Belanda di Sumatera Timur.

Batu Bara dan Serdang berjaya diletakkan di bawah pengaruh Belanda dalam tahun 1864. Sultan Ahmad Syah dari

Asahan menunjukkan penentangan. Akhirnya pihak Belanda melantik Naamal Ullah, saudara ipar Sultan Ahmad sebagai pemerintah Asahan dalam tahun 1864. Ternyata Naamal Ullah tidak mendapat sokongan rakyat. Dalam tahun 1868, pihak Belanda mengambil keputusan menggantikan pemerintahan Naamal Ullah kepada Majlis yang diwakili oleh empat orang ketua tempatan. Sehingga 1870, pihak Belanda dapat mengatasi masalah dan pemberontakan oleh orang-orang Batak yang menyokong Sultan Ahmad Shah.¹

Pendeknya, Perjanjian British-Belanda pada tahun 1824 tidak banyak membantu meredakan perselisihan dan persaingan antara kedua-dua kuasa itu di Timur. Perjanjian tersebut mempunyai banyak kelemahan. Ianya telah memberi kesan politik bukan hanya kepada hubungan pihak Belanda dengan British di Timur malah kepada negeri-negeri Melayu. Percubaan pihak Belanda untuk meluaskan kuasa di Sumatera menyebabkan ianya bertembung dengan kerajaan Aceh di utara dan bantahan pedagang-pedagang British di Pulau Pinang dan Singapura. Namun demikian sikap British yang terlalu ingin menjaga hubungan persahabatan dengan Belanda telah menyebabkannya tidak menunaikan obligasi moralnya terhadap Aceh dan negeri-negeri kecil di Sumatera Timur yang didasari oleh perjanjian-perjanjian 1819 dan 1823. Sebaliknya

1. Reid, The Contest For North Sumatera, hlm. 48.

kedua-dua perjanjian itu dirujuk oleh British jika berlaku situasi-situasi yang menguntungkan perdagangan pedagang-pedagangnya.